



**KERAJAAN SERI PADUKA BAGINDA
MALAYSIA**

SURAT PEKELILING PERKHIDMATAN BILANGAN 1 TAHUN 1998

**KELAYAKAN PENILAIAN MENENGAH RENDAH BAGI MAKSUD
PERLANTIKAN KE PERKHIDMATAN AWAM**

TUJUAN

1. Surat Pekeliling ini adalah bertujuan untuk memaklumkan mengenai pengiktirafan kelayakan Penilaian Menengah Rendah (PMR) sebagai setaraf dengan Sijil Rendah Pelajaran (SRP) bagi maksud perlantikan ke dalam skim-skim perkhidmatan Kumpulan Sokongan yang mensyaratkan kelayakan masuk di peringkat SRP/*Lower Certificate of Education (LCE)*.

LATARBELAKANG

2. Kerajaan telah menamatkan peperiksaan SRP mulai tahun 1993 dan digantikan dengan peperiksaan PMR. Peperiksaan SRP/LCE atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan merupakan kelayakan masuk minima yang ditetapkan dalam skim-skim perkhidmatan tertentu dalam Kumpulan Sokongan. Semasa Sistem Saraan Baru dilaksanakan kedudukan ini tidak berubah.

3. Pihak Berkuasa Melantik menghadapi kesulitan untuk melantik pemegang kelayakan PMR kerana pernyataan keputusan PMR tidak menyatakan 'lulus' atau 'gagal' dalam peperiksaan tersebut seperti SRP. Peperiksaan PMR ini adalah berbeza dari segi pelaporan keputusan berbanding peperiksaan SRP.

KAEDAH PELAPORAN KEPUTUSAN PEPERIKSAAN PMR

4. Semua calon yang telah menduduki peperiksaan PMR akan menerima Pernyataan Keputusan bagi setiap mata pelajaran seperti berikut:-

Peringkat	Tafsiran
A	Cemerlang
B	Kepujian
C	Baik
D	Mencapai tahap penguasaan minimum
E	Tidak mencapai tahap penguasaan minimum
T	Tidak hadir

KELAYAKAN PMR UNTUK LANTIKAN KE PERKHIDMATAN AWAM

5. Calon-calun yang telah menduduki peperiksaan PMR boleh dilantik ke jawatan-jawatan dalam Kumpulan Sokongan Perkhidmatan Awam yang bersesuaian yang mensyaratkan 'lulus' SRP atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan. Perlantikan ini boleh dibuat dengan syarat calon-calun berkenaan memiliki keputusan-keputusan seperti berikut:-

- (a) mendapat sekurang-kurangnya peringkat 'D' dalam 5 mata pelajaran **termasuk Bahasa Melayu dan Matematik**; dan
- (b) bagi skim-skim perkhidmatan yang mensyaratkan 'kepujian' dalam mata pelajaran tertentu seperti Bahasa Malaysia atau Pengetahuan Agama Islam atau seumpamanya di peringkat SRP, calon-calun hendaklah memperolehi sekurang-kurangnya peringkat 'C' dalam mata pelajaran berkenaan di peringkat PMR.

Calon-calun yang **tidak memiliki** keputusan seperti di atas adalah tidak layak dipertimbangkan untuk maksud lantikan ke jawatan-jawatan yang mensyaratkan kelulusan SRP atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

TINDAKAN KETUA JABATAN

6. Pihak Berkuasa Melantik hendaklah memasukkan kelayakan PMR seperti yang disebut di perenggan 5(a) dan (b) di atas di **dalam setiap iklan** jawatan yang mensyaratkan kelulusan SRP atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan sebagai kelayakan masuk tambahan.

7. Walau apapun peruntukan yang tersebut di atas kelayakan sijil SRP atau kelayakan-kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan masih lagi diiktiraf bagi maksud perlantikan ke jawatan Kumpulan Sokongan dalam Perkhidmatan Awam.

TARIKH KUATKUASA

8. Surat Pekeliling ini berkuatkuasa mulai dari tarikh ianya dikeluarkan.

PENUTUP

9. Pihak tuan juga adalah dinasihatkan supaya menghubungi Bahagian Pembangunan Organisasi, Jabatan Perkhidmatan Awam sekiranya terdapat pertanyaan mengenai pelaksanaan Surat Pekeliling Perkhidmatan ini.

" BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"



(DATO' HAJI ABDUL WAHAB BIN ADAM)

Timbalan Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam I

b.p. Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam,

Malaysia.

Tarikh: 13 Januari 1998

Semua Ketua Setiausaha Kementerian

Semua Ketua Jabatan Persekutuan

Semua Y.B. Setiausaha Kerajaan Negeri

Semua Pihak Berkuasa Berkanun Persekutuan

Semua Pihak Berkuasa Berkanun Negeri

Semua Pihak-Berkuasa Tempatan